

18/09/1999

Kegilaan ganti kewarasan di Kosovo

A Kadir Jasin

BAGI kita di Malaysia yang hidup aman damai, erti sebenar penderitaan dan tragedi hanya boleh dirasakan dan difahami dengan menyaksikan sendiri penderitaan insan lain di pelbagai pelosok dunia.

Hanya dengan berada di tempat berlakunya sesuatu tragedi barulah kita dapat merasakan erti sebenar kecelakaan dan penderitaan. Setiap kali itu juga kita akan sedar mengenai betapa terlindungnya hidup kita dan betapa beruntungnya nasib kita.

Salah satu tempat di mana kegilaan menggantikan kewarasan dan bumi berubah menjadi neraka ialah Kosovo.

Nama wilayah Balkan itu amat jarang kita dengar sehinggalah Republik Persekutuan Yugoslavia yang dikuasai Serb memutuskan awal dekad ini supaya ia dibersihkan daripada penduduk etnik Albania.

Republik Yugoslavia yang merangkumi Serbia dan Montenegro adalah cebisan daripada perpecahan Yugoslavia yang pada suatu waktu dulu gagah dengan Marsyal Josip Broz Titonya.

Dari tahun 1990 bermulalah usaha oleh Serb untuk menghapuskan kewujudan Kosovo. Pertama, kuasa autonomi yang dinikmatinya sejak 1974 ditarik balik dan ia diserapkan ke dalam Serbia. Belgrade secara sistematik merobohkan institusi sosial dan ekonomi Kosovo.

Ini adalah cara pemimpin Yugoslavia, Slobodan Milosevic, membuktikan kepada kaum Serb bahawa dia seorang nasionalis unggul. Dia sebenarnya seorang pelampau kaum dan agama yang sanggup membunuh, merogol dan menyeksa atas nama nasionalisme Serb.

Hatta satu-satunya universiti di Kosovo yang bilangan pelajar Albanianya lebih besar daripada pelajar Serb tidak terkecuali. Ia diperintahkan tutup dan kelengkapannya dimusnahkan oleh tentera dan militia Serb.

Matlamat Milosevic di Kosovo samalah dengan kempen yang disokongnya di Bosnia dan Herzegovina. Dia mahu menghapuskan puak majoriti Albania sama ada dengan memaksa mereka tunduk kepada kuasa Serb atau lari meninggalkan negara.

Dihimpit oleh kemiskinan dan ancaman terhadap nyawa mereka, sebahagian rakyat Kosovo berhijrah ke negara lain.

Tetapi kebanyakan mereka tidak mampu dan tidak mahu berbuat demikian. Lalu mereka membentuk pasukan tentera sendiri yang dipanggil Tentera Pembebasan Kosovo (KLA). Matlamat mereka ialah memperjuangkan kemerdekaan penuh Kosovo.

Bagi kaum Serb pula, kehilangan Kosovo adalah sesuatu yang tidak boleh sekali-kali mereka terima kerana di sinilah mereka dikalahkan oleh tentera Osmaniah Turki dalam peperangan 'Kosovo Field' pada 1389.

Bagaimanapun, pengalaman menyaksikan pertumpahan darah di Bosnia dan Herzegovina mendorong masyarakat antarabangsa, terutama Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (Nato), bertindak lebih tegas dan pantas untuk menghentikan kegilaan Serb.

Maka pada 24 Mac, Nato memulakan serangan ke atas sasaran strategik Serb di Kosovo dan Serbia sehingga memaksa Serbia menerima perjanjian damai dengan Nato yang diluluskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 9 Jun lalu.

Begitupun, selepas tiga bulan Nato menamatkan perang terbuka dan kekejaman Serbia menerusi serangan 78 harinya, kesan perang masih jelas.

Sebaik pesawat Casa CN235 milik Rancangan Pemakanan Sedunia Bangsa-Bangsa Bersatu terbang turun untuk mendarat di Lapangan Terbang Pristina,

kita dapat menyaksikan rangka rumah dan bangunan yang dibakar.

Rombongan Malaysia, yang diketuai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, berada di Kosovo dan Albania dari 6 hingga 8 September lalu untuk melihat sendiri kesan perang di wilayah itu dan menghulurkan bantuan kemanusiaan.

Apa yang saya saksikan di Kosovo tidak seburuk Bosnia dan Herzegovina yang saya lawati bersama tentera British pada musim sejuk 1995. Waktu itu baru sebulan setengah tentera Serbia menarik balik kepungan maut ke atas Sarajevo sebagai memenuhi Perjanjian Dayton yang menamatkan pertumpahan darah di wilayah itu.

Tindakan tentera Nato di Kosovo dan Serbia berjaya menyekat tentera Serbia dan militia Serb tempatan daripada meneruskan kempen pembersihan etnik yang mengubah Bosnia dan Herzegovina kepada himpunan kubur tanpa nisan dan runtuh bangunan.

Berbanding Bosnia dan Herzegovina, kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda di Kosovo lebih rendah. Dua ribu orang dilaporkan terbunuh di Kosovo berbanding 200,000 di Bosnia dan Herzegovina yang terletak di utara. Tidak kurang 24,000 dikhuatiri hilang dalam pembersihan etnik di Bosnia dan Herzegovina.

Timbalan Perdana Menteri Kerajaan Sementara Kosovo, Mehmet Hajrizi, menganggarkan 100,000 bangunan musnah atau rosak di Kosovo dan 250,000 penduduk hilang tempat tinggal.

Apa pun, kesan yang ditinggalkan tetap menjadi bukti kepada konflik kaum yang tidak berperikemanusiaan - kanak-kanak yang tidak berdosa putus kaki dan tangannya akibat jerangkap samar atau ditembak tentera dan pengganas Serb.

Seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun yang kami temui di Hospital Universiti Pristina kudung kedua-dua kakinya akibat letupan jerangkap samar yang dipasang di tangga rumahnya. Seorang lagi melecur seluruh badan kerana terperangkap dalam rumah yang terbakar.

Memasang jerangkap samar dan membakar adalah cara paling digemari Serb. Tujuannya ialah untuk menghapuskan sebanyak mungkin penduduk etnik Albania dan memusnahkan rumah dan bangunan lain agar tidak boleh didiami lagi.

Tanpa tempat berteduh, penduduk etnik Albania terpaksa melarikan diri kerana musim sejuk di Balkan sangat dahsyat. Dalam kempen kekejamannya di Bosnia dan Herzegovina, tentera dan militia Serb membakar dan meletupkan 60 peratus rumah di negara itu.

Hospital Pristina yang menumpukan sebahagian besar usaha untuk merawat dan memulihkan mangsa perang, semakin sempit serta mengalami kekurangan bekalan ubat dan kelengkapan.

Menerusi derma yang dikumpulkan oleh Badan Bertindak Kosovo, kerajaan dan rakyat Malaysia menyumbangkan AS\$150,000 (RM570,000) kepada pihak berkuasa hospital. Jumlah yang sama dihulurkan kepada Universiti Pristina untuk melengkapkan semula makmal komputernya.

Sebanyak AS\$300,000 (kira-kira RM1.14 juta) lagi disumbangkan untuk membina semula Masjid Xhamia Bayret di Metrovica. Masjid berusia 150 tahun itu dibakar Serb Jun lalu.

Imam Azlan Muratir begitu gembira dan berterima kasih kepada rakyat dan kerajaan Malaysia kerana membantu pembinaan semula masjid tua itu. Walaupun hampir musnah, ia masih digunakan untuk sembahyang waktu dan Jumaat.

Malaysia juga bercadang menyumbangkan AS\$100,000 (RM380,000), masing-masing kepada Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) dan Rancangan Makanan Sedunia PBB bagi membiayai program mereka di Kosovo.

Di kemuncak konflik itu, dianggarkan sejuta orang lari meninggalkan Kosovo. Semenjak tamat perang, kira-kira 800,000 penduduk etnik Albania

pulang semula ke negara mereka.

Sebagai rakyat Malaysia, kita berbangga dan bersyukur kerana dapat menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan.

Namun lebih daripada itu, ia mengingatkan kita betapa pentingnya perpaduan kaum dan agama dipupuk dan dipelihara manakala kemajuan ekonomi terus diperkukuh. Tanpa kedua-dua ini, kita mungkin menerima nasib sama seperti rakyat Kosovo dan Bosnia-Herzegovina.

Erti sebenar keamanan dan kemajuan lebih terasa apabila seorang demi seorang pemimpin Kosovo dan PBB yang ditemui, termasuk presiden kerajaan sementara, Dr Ibrahim Rugova dan wakil khas Setiausaha Agung PBB di Kosovo, Dr Bernard Kouchner mengucapkan terima kasih kepada rakyat dan Kerajaan Malaysia atas sokongan dan bantuan mereka.

Mereka begitu kagum dengan kejayaan Malaysia sehingga mampu memberi bantuan kewangan dan tenaga manusia dalam hampir semua krisis yang melanda dunia, sama ada peperangan atau malapetaka.

Selain bantuan kewangan dan diplomatik, Malaysia menyumbangkan 50 pegawai polis kepada pasukan pengaman PBB di Kosovo.

Sir Martin Garrod yang pernah berkhidmat di Malaysia selama tujuh tahun sebagai pegawai tentera British ketika ditemui di Mitrovica berkata kalau negara berbilang kaum dan agama bersedia belajar daripada Malaysia, keamanan kaum dan agama boleh diwujudkan. Sir Martin ialah Pentadbir Awam PBB bagi kawasan Mitrovica.

Kini satu lagi krisis politik dan kemanusiaan tercetus dan kali ini lebih hampir dengan negara kita. Apa yang sedang berlaku di Timor Timur menuntut keprihatinan kita.

Kita sudah pun menghantar pegawai polis untuk menyertai pasukan pengawas PBB ketika pungutan suara di wilayah itu, dan bersetuju menyertai pasukan pengaman PBB yang bakal bertugas di Timor Timur.

Timor Timur dilanda pertumpahan darah selepas lebih 78 peratus penduduknya mengundi dalam pungutan suara selenggaraan PBB pada 30 Ogos lalu untuk berpisah dari Indonesia.

Keputusan itu menyebabkan kumpulan bersenjata pro-Jakarta mengganas dan menuntut wilayah khas untuk mereka di Timor Timur. Ini menyebabkan Indonesia dikutuk dan gesaan dibuat agar PBB menghantar pasukan pengaman.

Inilah agaknya yang dimaksudkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dengan penjajahan bentuk baru. Disebabkan kelemahan politik dan ekonomi, negara jiran kita itu sudah pun menjadi mangsanya.

Jelas daripada perkembangan di Timor Timur bahawa dunia selepas Perang Dingin tidak menjamin keselamatan dan kesejahteraan kepada negara-negara membangun. Malah ia boleh menjadi pemangkin kejatuhan dan perpecahan mereka.

Kita yang berjiran dan mempunyai perhubungan baik dengan Indonesia tentulah bimbang dengan perkembangan di Timor Timur kerana ia boleh mempengaruhi gerakan pemisahan di beberapa wilayah lain negara itu.

Namun mengenai Timor Timur, tidak kira apa jua tanggapan kita, majoriti penduduknya sudah membuat keputusan untuk bebas daripada pemerintahan Indonesia. Keputusan mereka harus dihormati.

Pergolakan di wilayah itu perlu dihentikan segera demi kebaikan Indonesia dan jirannya, khususnya yang terdekat seperti Malaysia dan Australia.

Hakikatnya, ketidakstabilan Indonesia akan menambahkan lagi pengaliran pelarian perang dan perantau ekonomi ke negara jiran.

Malaysia sudah pun menjadi periuk nasi bagi ratusan ribu pekerja Indonesia dan jutaan lagi rakyat negara itu yang bergantung kepada saudara-mara mereka di negara kita.

Jadi mungkin kali ini giliran Australia pula menawarkan perlindungan kepada pelarian dan perantau ekonomi Timor Timur memandangkan ia begitu

lantang dan cergas dalam isu Timor Timur. Lagipun, Australia lebih kaya dan dengan itu tentulah berupaya menerima lebih banyak pelarian serta pencari kerja dari Indonesia.

Menyaksikan perkembangan di wilayah-wilayah seperti Jawa, Timor Timur, Aceh, Ambon, Irian Jaya and Kalimantan Barat dalam tempoh setahun lalu, sukar bagi kita memisahkan gerakan 'reformasi' daripada ketidakstabilan Indonesia.

Jelas rakyat republik itu membayar harga yang tinggi untuk mengusir Presiden Suharto dan melaksanakan apa yang mereka anggap reformasi.

Kehidupan rakyat Indonesia sekarang jelas lebih buruk jika dibandingkan dengan sebelum 'reformasi'. Banyak nyawa terkorban dan harta benda musnah atas nama 'reformasi'.

Ekonomi Indonesia menunjukkan tanda-tanda pemulihan, namun apalah ertinya semua itu kalau negara semakin kehilangan kedaulatan. Ekonominya di bawah pengawasan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), begitu juga pilihan rayanya diawasi orang luar.

Itulah harga 'reformasi'. Peliknya, pencetus 'reformasi' itu sendiri sudah terpinggir daripada politik negara walaupun dia secara terbuka meminta sokongan Amerika dalam pilihan raya Majlis Permesyuaratan Rakyat yang baru lalu.

'Reformasi' bertukar menjadi 'demonstrasi'. Demikianlah kesan meneriakkan slogan kosong atau tidak faham apa perubahan sebenarnya.

'Reformasi' di Indonesia sudah berkubur.

Dan kita sepatutnya menganggap diri kita bernasib baik kerana kumpulan peniru 'reformasi' di negara kita gagal mencetuskan huru-hara sebagaimana diharapkan untuk mencapai matlamat politik mereka.

Suasana tidak stabil di Indonesia pasti mencetuskan pelbagai bentuk campur tangan kuasa asing, sama ada dalam bidang politik, ekonomi mahupun ketenteraan.

Inilah padah 'reformasi buta' dan terlalu bergantung dan berjinak dengan Barat. Indonesia yang suatu waktu lalu terkenal dengan keunggulan semangat nasionalismenya, kini terdedah kepada pelbagai bentuk tekanan dan campur tangan luar.

(END)